

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

MRM iktiraf 40 produk tempatan, antarabangsa

01. Jul 2008

Berita Harian

Ekonomi

217920

2083000

Language **MALAY**

Page No **26**

Article Size **431** cm2

Frequency **Daily**

Color **Full Color**



MRM iktiraf 40 produk tempatan, antarabangsa

MAJLIS Rekabentuk Malaysia (MRM) memberikan pengiktirafan kepada 40 produk tempatan dan antarabangsa yang menepati ciri-ciri reka bentuk berkualiti pada majlis penganugerahan 'Malaysia Good Design Mark' 2007 semalam.

Antara penerima anugerah ialah Perusahaan Otomobil Nasional Bhd bagi model Persona dan Satria Neo, Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd dan Panasonic HA Air-Conditioning (M) Sdn Bhd yang secara terkumpul mendapat pengiktirafan bagi 14 produknya dan Mimos Bhd bagi produk komputer 'tablet' mudah alih.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusof.

Hadir sama, Pengerusi MRM, Profesor Datuk Dr Ahmad Zainuddin; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Alihan A Hamid; Naib Presiden Sirim Bhd, Abd Razak Salim dan Ketua Eksekutif Matrade, Datuk Noharuddin Nordin.

Sempena majlis itu, MRM turut melancarkan buku kompilasi memuatkan produk yang sudah berjaya, untuk dijadikan sumber rujukan dan panduan bagi industri reka bentuk negara.

Ahmad Zainuddin, berkata sejak penubuhannya 10 tahun lalu, MRM

sudah memberikan pengiktirafan kepada 220 produk di bawah Malaysia Good Design Mark daripada 372 produk yang dinilai.

Katanya, sepanjang tempoh itu, program berkenaan disertai 116 syarikat tempatan dan multinasional untuk 13 kategori produk, antaranya ruang tamu dan bilik tidur; peralatan rumah, dapur dan bilik air; seni bina dan persekitaran dan produk industri.

"Walaupun pembabitin berasaskan peraturan pengiktirafan menunjukkan peningkatan, namun kami menyaran lebih banyak penyertaan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk masa akan datang.

"Selain daripada syarikat besar, kami berharap lebih banyak penyertaan daripada kalangan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya.

Mengenai manfaat pengiktirafan itu, Ahmad berkata, reka bentuk produk yang dibangunkan mampu meningkatkan daya saing negara dan syarikat tempatan menerusi peningkatan kualiti, perbezaan antara produk lain dan fungsinya.

Beliau menegaskan, pengiktirafan terhadap reka bentuk sesuatu produk juga mampu menjana pertumbuhan komuniti pereka yang baik dan bermutu untuk kemajuan sesuatu industri.

"Bagaimanapun, cabaran seperti kurang kesedaran dikalangan syarikat untuk menyertai program ini dan kadar pengambilan jawatan penganugerah reka bentuk yang masih rendah menyumbang kepada pergerakan perlahan industri ini," katanya.

Bagi memastikan pertumbuhan industri reka bentuk di Malaysia, Ahmad berkata, MRM sedang membangunkan polisi reka bentuk kebangsaan.

Bagi tujuan itu, katanya, MRM sedang mengkaji polisi di negara lain bagi dijadikan panduan.

MRM ditubuhkan pada 1994 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi bagi membantu negara memastikan penghasilan reka bentuk tempatan yang berkualiti, setanding dan unik daripada reka bentuk produk keluaran antarabangsa.

Konsep program Malaysia Good Design Mark itu sudah diguna pakai di negara lain seperti Jepun menerusi Gmark, Jerman (RedDot), Singapura (Singapore Design Award) dan Australia (Australia International Design Award).



Headline **MRM iktiraf 40 produk tempatan, antarabangsa**
Date **01. Jul 2008**
Media Title **Berita Harian**



RAI: Fadillah (empat dari kiri) bersama dengan penerima Anugerah Malaysia Good Design Mark 2007 di Kuala Lumpur, semalam.